

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan: Kajian Kes di Daerah Baling, Kedah

*(Alternative Poverty Measurement Using Multi-dimensional Poverty Index in the District of
Baling, Kedah)*

Siti Hadijah Che Mat
Roslan A.Hakim
Siti Norliza Jumali
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Pengukuran kemiskinan di Malaysia pada masa kini kebiasaannya menggunakan pendekatan satu dimensi iaitu sama ada mengikut dimensi pendapatan ataupun perbelanjaan. Kaedah ini dirasakan kurang memberi petunjuk yang tepat tentang kemiskinan. Untuk itu, artikel ini mengemukakan satu alternatif baru untuk mengukur kemiskinan bagi daerah Baling di negeri Kedah dengan menggunakan indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau lebih dikenali dengan 'Multidimensional Poverty Index' (MPI) yang diperkenalkan oleh Alkire dan Foster (2007). Terdapat 14 indikator dalam empat dimensi yang dikaji iaitu dimensi pendidikan, kesihatan, kesejahteraan dan kekayaan. Kajian dilakukan ke atas 198 isi rumah di daerah Baling. Keputusan kajian menunjukkan selain dimensi ternakan, sebanyak 87.37 peratus isi rumah menghadapi kekurangan dalam mendapatkan makanan yang berzat dan 70.20 peratus isi rumah kekurangan dalam dimensi pemilikan tanah. Selain daripada mengetahui dimensi apa yang menjadi masalah utama kepada sesebuah masyarakat itu, kaedah ini juga boleh dipisahkan sama ada mengikut bandar luar bandar, jantina, agama, kaum dan sebagainya. Untuk itu, disarankan bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dengan lebih berkesan, satu pendekatan yang bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan kemiskinan harus dilakukan agar penyelesaian masalah itu dapat dilakukan mengikut keperluan. Maka dalam kajian ini, beberapa indikator untuk mengukur dan mengklasifikasikan sesebuah keluarga itu miskin atau tidak. Keputusan pengukuran daripada pendekatan yang lebih komprehensif ini dijangkakan akan memberi gambaran yang lebih tepat

Kata kunci: kemiskinan; kemiskinan pelbagai dimensi; Malaysia

ABSTRACT

Currently, the measurement of poverty uses one-dimensional approach that is, whether income or expenditure. By using only one variable (dimension) to classify a household is poor or not, it unable to give precise guidance on poverty. Therefore, in this article, we used Multidimensional Poverty Index (MPI). There are 14 indicators in four dimensions studied. The dimensions are education, health, living standards and wealth. This article used multi-dimensional poverty index as an alternative for measuring poverty in seven location in district of Baling, Kedah. The results shows, 87.37 percent of households are deprived in obtaining nutrition and about 70.20 percent of households are deprived in the dimension of land ownership. The advantage of this measurement beside knowing the dimensions deprived by a society, this method also can be separated either in rural areas, gender, religion and race. Therefore, it is recommended to achieve more effective poverty eradication, a more appropriate and in conformity with the conditions of poverty must be done so that the solution can be made as needed.

Keywords: povert; multi-dimensional poverty; Malaysia

PENDAHULUAN

Usaha membasmi kemiskinan adalah agenda utama semenjak negara ini mencapai kemerdekaan (1957) dan merupakan teras utama dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970. Hasilnya, Malaysia telah berjaya mencapai matlamat mengurangkan

kemiskinan, iaitu daripada 52.4% pada tahun 1970 kepada 3.8% dalam tahun 2009. Malaysia seterusnya dalam Rancangan Malaysia ke Sepuluh (2010-2015), telah menasarkankan untuk mencapai pendapatan purata bagi 40% golongan isi rumah terendah meningkat daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2300, dan kadar kemiskinan dikurangkan kepada 2.0% pada tahun 2015.



Di Malaysia, kadar kemiskinan ditunjukkan dengan mendapatkan peratusan bilangan mereka yang miskin daripada keseluruhan penduduk atau isi rumah yang dikaji, dan garis pemisah untuk membezakan antara yang miskin dan tidak miskin ialah pendapatan garis kemiskinan (PGK). Sebagai contoh PGK pada tahun 2007 bagi Semenanjung Malaysia ialah RM700 (UPU, 2007). Maka, isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah daripada RM700 dikategorikan sebagai miskin, dan sebaliknya mereka yang mempunyai pendapatan sama dengan RM700 dan lebih dikategorikan sebagai tidak miskin.

Dengan hanya menggunakan satu pembolehubah sahaja untuk mengklasifikasikan sesebuah isi rumah itu miskin atau tidak, maka ianya dirasakan kurang memberi petunjuk yang tepat tentang kemiskinan. Apabila pengukuran yang digunakan masih terdapat kelemahan, maka sudah pasti angka kemiskinan yang dinyatakan itu tidak memberi gambaran sebenar tentang kemiskinan. Namun, pada hakikatnya pengukuran kemiskinan yang sebeginilah (mengikut satu indikator-pendapatan atau perbelanjaan isi rumah) yang biasa digunakan dalam analisis kemiskinan di negara kurang maju termasuklah Malaysia.

Untuk itu, bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dengan lebih berkesan, satu pendekatan yang bersesuaian dan bertepatan dengan keadaan kemiskinan harus dilakukan agar penyelesaian masalah itu dapat dilakukan mengikut keperluan. Jika sebelum ini hanya satu indikator sahaja (pendapatan/perbelanjaan) yang digunakan untuk merealisasikan banyak sasaran pembasmian kemiskinan, maka artikel ini akan menggunakan beberapa indikator untuk mengukur dan mengklasifikasikan sesebuah keluarga itu sebagai miskin atau tidak. Ini bermakna, kita tidak boleh mengklasifikasikan isi rumah sebagai miskin dengan semata-mata berpandukan kepada pendapatan yang dimilikinya. Ini adalah kerana kemiskinan itu mempunyai pelbagai dimensi seperti kesejahteraan hidup seseorang. Kesejahteraan hidup seseorang individu itu bukan sahaja bergantung kepada pendapatan, tetapi juga kepada beberapa dimensi lain seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Begitu juga dengan kemiskinan, seseorang itu sepatutnya diklasifikasikan sebagai miskin, bukan dengan hanya melihat kepada pendapatannya semata-mata tetapi harus dilihat daripada pelbagai dimensi lain juga. Ini disokong oleh tulisan dalam laporan *Malaysia Achieving the Millennium Development Goals*, yang menyatakan: '*Poverty is multidimensional. It is of course, more than lack of income. Poverty is also associated with lack of access to basic education, health (including reproductive health) services and information, shelter, clean water, and sanitation*' (m.s 34). Oleh sebab itu dengan indeks kemiskinan MPI yang boleh dipisahkan, mengikut jantina, lokasi dan menerusi dimensi, ianya dijangkakan boleh menjadi satu alat pengukuran dan panduan yang baik kepada pembuat dasar.

Terdapat tiga objektif yang ingin ditunjukkan di dalam artikel ini, pertamanya ialah mengenalpasti dimensi utama

yang menyumbang kepada kekurangan isi rumah, kedua mengenalpasti kemiskinan pelbagai dimensi mengikut mukim yang terdapat di daerah Baling dan yang ketiga menganggar kadar kemiskinan pelbagai dimensi berpemberat.

MENGAPA INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI (MPI)?

Alkire dan Santos (2009) menyatakan pendekatan yang menggunakan satu dimensi mempunyai keterbatasannya. Beliau menyatakan data pendapatan atau penggunaan yang dikumpul adalah di peringkat isi rumah dan ianya tidak memberi maklumat tentang sumber agihan antara isi rumah. Alkire dan Seth (2009) telah mengenalpasti beberapa kelebihan dengan menggunakan kaedah yang dicadangkan oleh Alkire dan Foster (2007) untuk menganggarkan kemiskinan pelbagai dimensi dan mengenalpasti isi rumah yang miskin. Antaranya 1) dengan melihat kepada konsep kemiskinan dan kekurangan, ianya melihat setiap dimensi itu sebagai bebas dan tidak berkaitan antara satu dengan yang lain; 2) adalah bebas untuk menentukan sama ada memberi pemberat yang sama atau berbeza kepada setiap dimensi yang dipilih; 3) ianya bersifat teguh atau mantap dalam mengenalpasti yang termiskin dikalangan yang miskin dengan meningkatkan agregat titik pemisah; 4) ianya sangat bermanfaat kepada pembuat dasar kerana ia menunjukkan dimensi apa yang menyebabkan kemiskinan pelbagai dimensi di dalam sesuatu kawasan atau kumpulan tertentu yang dikaji. Disamping kelebihan-kelebihan ini, kaedah ini juga berguna untuk mengenalpasti isi rumah yang bagaimana yang sesuai untuk menerima pelbagai jenis kemudahan ataupun insentif/perindungan yang hendak diberi. Sebagai contoh, jika pembuat dasar hendak memberi kemudahan atau bantuan rumah kediaman kepada mereka yang miskin, maka pihak yang bertanggungjawab boleh mengenalpasti mereka yang berada di bawah daripada garisan kemiskinan dan juga mereka yang kekurangan dalam dimensi rumah kediaman.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini mengikut pendekatan seperti yang digunakan oleh Arif dan Tanweer (2010) juga menggunakan kaedah seperti yang dicadangkan oleh Alkire dan Foster (2007). Menurut Alkire dan Foster (2007), terdapat 12 langkah dalam mengukur indeks kemiskinan pelbagai dimensi ini. Dengan mengikut kaedah yang di cadangkan oleh Alkire dan Foster (2007: 2009), setiap satu indikator dalam setiap dimensi diberi pemberat yang sama. Selepas pemilihan dimensi, indikator dan garisan pemisah, pengukuran ini akan dapat mengenalpasti sama ada wajar atau tidak sesebuah isi rumah itu dikategorikan sebagai miskin (kekurangan) dalam sesuatu dimensi atau tidak. Langkah

seterusnya ialah mengagregatkan jumlah kekurangan yang dialami oleh isi rumah. Kemudian sekali lagi garisan pemisah agregat dibentuk atau ditetapkan. Garis pemisah agregat ini membawa maksud jumlah minimum indikator-indikator yang sesebuah isi rumah itu patut kekurangan bagi membolehkan mereka dikelompokkan dalam kelompok miskin pelbagai dimensi. Seterusnya, kaedah ini juga adalah bebas untuk meletakkan pemberat sama ada menggunakan pemberat yang sama ataupun yang berbeza untuk setiap dimensi yang diukur.

LANGKAH- LANGKAH DALAM INDEKS KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI

Alkire dan Foster (2007) telah menyediakan satu metodologi alternatif untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi. Tidak seperti pengukuran pelbagai dimensi yang lain, kaedah ini tidak mengandaikan data itu bersifat berterusan. Ianya juga sesuai untuk data yang berbentuk kategori/ordinal di mana ianya menjadikan pengukuran lebih mantap. Berikut dinyatakan 12 langkah untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi oleh Alkire dan Foster.

Langkah-langkah tersebut dihuraikan dalam bentuk bukan ayat matematik seperti berikut:

Langkah 1: Memilih unit analisis.

Langkah 2: Memilih dimensi.

Langkah 3: Memilih indikator.

Langkah 4: Tetapkan garis kemiskinan untuk setiap dimensi.

Langkah 5: Menggunakan garisan kemiskinan iaitu menggantikan pencapaian seseorang itu dengan statusnya yang dikaitkan dengan garis kemiskinan tadi.

Langkah 6: Bilang jumlah kekurangan untuk setiap orang.

Langkah 7: Tetapkan garis kemiskinan yang kedua. Garis kemiskinan yang kedua, k , memberi jumlah dimensi yang seseorang itu harus kurang bagi membolehkannya dikategorikan sebagai miskin pelbagai dimensi.

Langkah 8: Gunakan garis kemiskinan, k untuk mendapatkan set orang yang miskin dan *cancel* data mereka yang tidak miskin.

Langkah 9: Mengira kadar kemiskinan (*head count ratio*), H . Bahagikan jumlah individu yang miskin dengan jumlah kesemua individu.

Langkah 10: Mengira purata Jurang kemiskinan, A , iaitu purata bilangan kekurangan yang dihadapi oleh mereka yang miskin. Ia dikira dengan menjumlahkan nisbah kekurangan yang dihadapi oleh setiap orang yang miskin dan dibahagikan dengan jumlah orang yang miskin.

Langkah 11: Mengira kadar kemiskinan terselarar (*Adjusted head count ratio*), M_o . Jika data itu binary atau ordinal, kemiskinan pelbagai dimensi diukur dengan Kadar kemiskinan terselarar, M_o , yang boleh diperolehi dengan H darab A .

Langkah 12: Pemisahan mengikut kumpulan dan mengikut dimensi. Kadar kemiskinan terselarar, M_o boleh dipisahkan

mengikut sub kumpulan seperti mengikut agama, bandar/ luar bandar dan kaum.

PEMILIHAN DIMENSI, INDIKATOR DAN TITIK GARIS KEMISKINAN

Alkire (2007) menyatakan penyelidik harus mempunyai justifikasinya yang tersendiri dalam penentuan dimensi dan indikator yang hendak digunakan. Mengikut kaedah yang dilakukan Arif dan Tanweer (2010), iaitu kajiannya di Pakistan dan dengan sedikit pengubahsuaian daripada segi indikator yang digunakan, maka artikel ini menggunakan empat dimensi dengan 14 indikator. Antara indikator yang dipilih dalam kajian ini ialah tahap pendidikan ketua keluarga, tahap pendidikan anak-anak, zat makanan, berat badan, kemudahan air bersih, tandas/sanitation, bilik tidur, lantai rumah, dinding rumah, bahan pembakar untuk memasak, aset/kelengkapan rumah, pendapatan/mata pencarian/pendapatan/penggunaan, pemilikan tanah dan binatang ternakan. Maklumat terperinci mengenai huraian setiap indikator yang digunakan beserta dengan garis pemisahnyadiringkaskan di dalam Lampiran A.

Untuk tujuan perbandingan, kajian ini juga akan mengira indeks kemiskinan dengan menggunakan kaedah kadar kemiskinan (H) dan pendapatan garis kemiskinan (PGK) sebagai garis pemisah untuk membezakan mereka yang miskin dengan yang tidak miskin. Pendapatan garis kemiskinan yang digunakan adalah seperti yang diwartakan oleh kerajaan negeri Kedah di bawah program e-SINAR. Memandangkan majoriti isi rumah yang dikaji terletak di luar bandar, maka PGK yang digunakan untuk tujuan perbandingan ini ialah RM700.00.

SUMBER DATA DAN SAIZ SAMPEL DAN KAWASAN KAJIAN

Artikel ini menggunakan data primer yang dikumpul melalui kaji selidik ke atas isi rumah di daerah Baling Kedah Darul Aman. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah secara borang soal selidik kerana lebih mudah ditadbir dan dianalisis serta boleh diselaraskan mengikut objektif dan keperluan kajian. Borang soal selidik yang digunakan ialah yang diadaptasi daripada borang soal selidik yang diperolehi daripada *United States Agency, International Development, USAID's office of Global Health*. Walau bagaimanapun borang soal selidik itu telah diubah suai mengikut keadaan dan situasi negeri ini. Setelah pengubahsuaian dilakukan maka enam bahagian telah dibentuk, Bahagian pertama adalah bahagian maklumat mengenai sosio demografi responden. Bahagian kedua ialah maklumat pendidikan, Bahagian ketiga adalah maklumat mengenai bekalan air dan sistem pembuangan najis. Bahagian keempat ialah mengenai ciri-ciri isi rumah, bahagian kelima ialah maklumat pendapatan dan bahagian terakhir iaitu yang keenam mengandungi maklumat jaminan makanan dan kesihatan.

Kaedah persempelan yang digunakan adalah gabungan antara persempelan berstrata dan kouta, dan seterusnya responden dipilih secara rawak mudah. Persempelan jenis ini dikatakan akan meningkatkan maklumat yang diperoleh bagi sesuatu kos yang terhad. Populasi kajian distratakan mengikut lapan mukim yang terdapat di negeri Kedah. Seterusnya jumlah sampel yang dikehendaki dihadkan (kuota) mengikut bilangan saiz isi rumah bagi setiap mukim yang telah ditetapkan dan responden dipilih secara rawak. Penetapan jumlah yang tertentu untuk setiap mukim yang tertentu adalah untuk mengelakkan terkurang atau terlebih sampel yang diambil di satu-satu mukim tersebut.

Terdapat lapan mukim di daerah Baling, antaranya Mukim Bakai; Baling; Bongor; Kupang; Pulau; Siong; Tawar dan Mukim Teloi Kanan. Walau bagaimanapun Mukim Baling dan Mukim Bongor selalunya disatukan di bawah satu pentadbiran. Dalam artikel ini Mukim Baling dan Mukim Bongor juga disatukan. Daerah Baling dipilih berdasarkan kepada statistik kemiskinan yang dikeluarkan oleh e-SINAR (setakat 10 Januari 2011) yang menunjukkan jumlah kemiskinan di daerah ini adalah yang tertinggi iaitu 3561 keluarga atau 22.75%. Untuk tujuan artikel ini, sampel sebanyak 200 isi rumah dipilih secara random.

Berikut adalah bilangan responden bagi setiap mukim yang ditetapkan berkadaran dengan jumlah penduduk bagi setiap mukim berkenaan. Daripada 200 responden yang dikehendaki, Mukim Bakai ditetapkan seramai 21 responden, manakala sebanyak 12 responden ditetapkan di Mukim Baling dan Sembilan di Mukim Bongor. Sebanyak 41 responden di Mukim Kupang, manakala 37 responden di Mukim Pulau. Bagi Mukim Siong, Tawar dan Teloi Kanan, responden yang diperlukan adalah sebanyak 20, 30 dan 29 masing-masing. Maklumat dan cara

JADUAL 1. Agihan Sampel untuk Setiap Mukim di Daerah Baling Kedah

Mukim	Penduduk	Jumlah Isi Rumah	Sampel 200
Bakai	16800	3916	21
Baling	9900	2308	12
Bongor	7300	1702	9
Kupang	33000	7692	41
Pulai	29300	6830	37
Siong	16100	3753	20
Tawar	24000	5594	30
Teloi Kanan	23400	5455	29
Jumlah	159800	37249	200


Sumber: banci penduduk 2010 oleh jabatan perangkaan negara

Nota: purata isi rumah 4.29

pengiraan untuk mendapatkan bilangan sampel mengikut mukim ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan kajian dibincangkan dalam dua bahagian. Pertama keputusan kajian tanpa pemberat dan keduanya keputusan kajian berpemberat. RAJAH 1 menunjukkan peratusan kekurangan yang dialami oleh isi rumah untuk setiap dimensi yang dikaji tanpa menggunakan pemberat. Sebanyak 89.39 peratus isi rumah tidak mempunyai sebarang binatang peliharaan (ternakan). Selain itu, isi rumah juga ditunjukkan mempunyai masalah yang amat ketara dalam memperoleh zat makanan. Kajian menunjukkan sebanyak 87.37 peratus isi rumah mengalami kekurangan (miskin) dalam memperoleh zat makanan. Pengukuran zat makanan yang digunakan di dalam kajian



RAJAH 1. Peratusan Kekurangan yang dihadapi oleh Isi Rumah dalam Setiap Dimensi

ini membawa makna isi rumah makan makanan yang murah (kos rendah) dan tidak dapat makanan yang seimbang. Walaupun begitu keadaan ini tidak menyebabkan mereka kekurangan berat badan. Ini ditunjukkan dengan hanya satu peratus sahaja responden yang kekurangan berat badan kerana tidak makan dan tidak cukup makan. Sebanyak 70.20 peratus isi rumah kekurangan atau kemiskinan dalam pemilikan tanah. Apa yang dimaksudkan dengan kekurangan dalam pemilikan tanah ini ialah, isi rumah tidak mempunyai tanah lain selain daripada tanah tapak rumah yang boleh diusahakan.

Kajian juga mendapati dimensi kesejahteraan yang ditunjukkan melalui indikator bilik tidur, didapati memberi gambaran bahawa sebanyak 26 peratus isi rumah mengalami kekurangan (miskin) dalam katogeri ini yang bermakna mereka ini hanya mempunyai satu bilik tidur sahaja. Ada di antara mereka yang bilik tidur itu dijadikan hanya sebagai tempat persalinan dan ada juga diantara mereka yang menggunakan bilik tidur yang hanya satu itu untuk anak perempuan mereka.


Katogeri-katogeri yang menunjukkan kesejahteraan yang lain seperti bekalan air, jenis tandas, lantai rumah, dinding rumah dan pemilikan asset kelengkapan rumah menunjukkan keadaan yang agak membanggakan. Ini adalah kerana kajian menunjukkan hanya segelintir sahaja iaitu kurang daripada 10 peratus isi rumah yang menghadapi masalah kekurangan (kemiskinan) dalam dimensi-dimensi tersebut.

Rajah 2 menunjukkan peratusan jumlah isi rumah dengan jumlah kekurangan-kekurangan tertentu yang dihadapinya. Secara keseluruhannya, walaupun artikel ini menggunakan 14 indikator dalam empat dimensi kemiskinan, namun kajian ini menunjukkan jumlah maksimum kekurangan yang dihadapi oleh responden adalah setakat sembilan indikator. Amat sedikit peratusan (kurang lima peratus) isi rumah yang menghadapi masalah kekurangan dalam enam, tujuh, lapan dan sembilan indikator. Namun, yang kekurangan dalam satu indikator sahaja amat sedikit iaitu hanya 3.03 peratus. Selebihnya

antara 15 hingga 30 peratus isi rumah mengalami kekurangan antara dua hingga lima indikator. Secara tepatnya sebanyak 30 peratus dan 27 peratus isi rumah kekurangan dalam tiga indikator dan empat indikator masing-masing. Keputusan kajian juga menunjukkan lebih kurang lima peratus daripada responden mengalami kekurangan dalam tujuh dimensi dan lebih.

Secara umumnya penerangan dua rajah sebelum ini hanya melihat kekurangan dari segi dimensi atau indikator yang dialami oleh isi rumah dan berapa ramai isi rumah yang kekurangan dalam sesuatu dimensi tersebut. Namun, kini untuk mengistiharkan sesebuah isi rumah itu miskin dalam berbagai dimensi, garisan pemisah secara agregat perlu diperolehi iaitu jumlah minimum dimensi di mana sesebuah isi rumah itu perlu kekurangan (miskin), bagi membolehkan kita mengistiharkan mereka sebagai miskin pelbagai dimensi. Dalam kata lain, garis pemisah ini adalah garis kemiskinan yang menjadi penentu untuk mengkatogirikan sesebuah isi rumah itu tergolong dalam kemiskinan pelbagai dimensi atau tidak. Ini bermakna, perlu diletakkan satu garis ketetapan mengenai berapa dimensi/indikator yang sesebuah keluarga itu boleh miskin (kekurangan) bagi membolehkan mereka diistihar sebagai miskin pelbagai dimensi. Sebagai contoh, andaikan ditetapkan lima (5) dimensi sebagai garis pemisah untuk membezakan sesebuah keluarga itu dikatogirikan sebagai miskin pelbagai dimensi ataupun tidak, maka isi rumah itu hendaklah sekurang-kurangnya miskin dalam lima dimensi dan lebih barulah isi rumah tersebut boleh dianggap miskin pelbagai dimensi.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, jika lima (5) dimensi diambil sebagai garis kemiskinan ($k=5$), didapati sebanyak 24 peratus daripada isi rumah berada di bawah daripada garisan kemiskinan itu. Begitu juga, sekiranya enam (6) kekurangan diambil sebagai garis pemisah ($k=6$), lebih daripada lapan peratus daripada isi rumah berada di bawah daripada garisan kemiskinan itu. Jika tujuh (7) kekurangan diambil sebagai titik garis pemisah ($k=7$), lebih kurang lima peratus jatuh di bawah garis kemiskinan itu.



RAJAH 2. Peratusan Isi Rumah Yang Mengalami Kekurangan Dalam Dimensi-dimensi Kemiskinan

JADUAL 2. Anggaran Kemiskinan Pelbagai Dimensi pada Tahap Agregat

Titik pemisah agregat(k)	Kadar kemiskinan (H)	Kadar kemiskinan Terselaras-Mo	Purata kemiskinan (A=Mo/H)
5	0.242	0.099	0.412
6	0.086	0.044	0.513
7	0.050	0.029	0.571
8	0.035	0.021	0.602
9	0.015	0.009	0.643

Sebaliknya jika sembilan ($k=9$) diambil sebagai garis pemisah, maka hanya 1.5 peratus sahaja isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin pelbagai dimensi.

Untuk mengambil kira kedalaman kemiskinan yang dihadapi oleh isi rumah yang miskin, maka kadar kemiskinan terselaras harus dikira. Pada $k=5$, Kadar kemiskinan terselaras ialah 0.099 dan ianya berkurangan apabila titik garisan pemisah dinaikkan. Lajur keempat dalam Jadual 2, menunjukkan purata kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah yang miskin. Pada $k=5$, purata kemiskinan ialah 0.412, ini bermakna dikalangan isi rumah yang miskin, secara puratanya mereka mengalami kekurangan sebanyak 41 peratus daripada keseluruhan dimensi yang ada. Pada $k=6$, purata kemiskinan ialah 0.513 yang membawa maksud, isi rumah yang berada di bawah garis kemiskinan secara puratanya kekurangan dalam 51 peratus daripada jumlah dimensi kemiskinan yang ada. Purata kemiskinan meningkat dengan meningkatnya titik garisan pemisah. Pada titik garisan pemisah yang tinggi, bagi mereka yang berada di bawah garis kemiskinan tersebut secara puratanya menghadapi lebih banyak kekurangan daripada mereka yang berada di bawah garis kemiskinan pada titik garis pemisah yang rendah.

DIMENSI-DIMENSI KEMISKINAN MENGIKUT MUKIM

Terdapat lapan mukim semuanya di daerah Baling. Namun kebiasaannya Mukim Baling dan Mukim Bongor disatukan kerana mempunyai bilangan penduduk yang kecil. Begitu juga dengan kajian ini, kedua-dua mukim itu disatukan. Pemisahan dilakukan untuk melihat tahap kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih terperinci mengikut mukim-mukim yang ada. Untuk tujuan anggaran ini, kajian akan menggunakan hanya empat titik garisan pemisahan seperti sebelum ini iaitu $k=5$ hingga $k=8$. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, pada $k=5$, kadar kemiskinan tertinggi didapati di Mukim Pulau dan Siong iaitu masing-masing sebanyak 38 peratus dan 35 peratus. Kemiskinan pelbagai dimensi paling kurang didapati di mukim Bakai dan mukim Tawar iaitu masing-masing 14 peratus.

Pada $k=7$, lebih daripada 10 peratus isi rumah di Baling/Bongor, Siong dan Teloi Kanan berada di bawah garis kemiskinan, sementara di Pulau hanya lima peratus

isi rumah didapati miskin. kadar kemiskinan terselaras juga tinggi di Mukim Baling/Bongor, Siong dan Teloi Kanan iaitu masing-masing 0.6 peratus, berbanding Pulau dan Tawar dan Kupang yang hanya kosong hingga 0.3 peratus. Purata kemiskinan walau bagaimanapun didapati sedikit tinggi di Siong berbanding dengan Baling/Bongor dan Pulau.

Dengan garis kemiskinan $k=8$, lebih kurang lima ke tujuh peratus isi rumah di Baling/Bongor, Pulau dan Teloi Kanan adalah didapati miskin. Di Siong pula sepuluh peratus isi rumah dikenalpasti berada di bawah daripada titik garis kemiskinan. Seperti kadar kemiskinan, ia juga terselaras juga tinggi di Baling/Bongor, Pulau, Teloi Kanan dan Siong. Pada titik pemisah ini, purata kemiskinan juga menunjukkan sedikit tinggi di Baling/Bongor dan Siong berbanding di Pulau dan Teloi Kanan. Isi rumah miskin, secara purata kekurangan dalam 64 peratus daripada jumlah dimensi di Baling/Bongor dan Siong dan 57 peratus di Pulau dan Teloi Kanan.

Daripada keseluruhan kajian ini menunjukkan yang kadar kemiskinan adalah lebih tinggi di Mukim Teloi berbanding dengan enam mukim yang lain. Pada $k=8$, kadar kemiskinan yang tertinggi didapati di mukim Siong iaitu hampir 10 peratus isi rumah berada dibawah garisan kemiskinan. Begitu juga dengan $k=5$, sebanyak 35 peratus daripada isi rumah luar bandar adalah miskin, berbanding

JADUAL 3. Anggaran Kemiskinan di Peringkat Mukim

Titik garisan pemisah/	Mukim	H	A	Mo
K=5	Bakai	0.14	0.36	0.05
	Baling/Bongor	0.20	0.46	0.09
	Kupang	0.19	0.37	0.07
	Pulau	0.38	0.41	0.15
	Siong	0.35	0.45	0.16
	Tawar	0.14	0.41	0.06
	Teloi Kanan	0.28	0.43	0.12
K=6	Bakai	0.00	0.00	0.00
	Baling/Bongor	0.10	0.57	0.06
	Kupang	0.02	0.43	0.01
	Pulau	0.16	0.48	0.08
	Siong	0.15	0.57	0.09
	Tawar	0.07	0.47	0.03
	Teloi Kanan	0.10	0.55	0.06
K=7	Bakai	0.00	0.00	0.00
	Baling/Bongor	0.10	0.57	0.06
	Kupang	0.00	0.00	0.00
	Pulau	0.05	0.57	0.03
	Siong	0.10	0.64	0.06
	Tawar	0.04	0.50	0.02
	Teloi Kanan	0.10	0.55	0.06
K=8	Bakai	0.00	0.00	0.00
	Baling/Bongor	0.05	0.64	0.03
	Kupang	0.00	0.00	0.00
	Pulau	0.05	0.57	0.03
	Siong	0.10	0.64	0.06
	Tawar	0.00	0.00	0.00
	Teloi Kanan	0.07	0.57	0.04

dengan hanya 14 peratus isi rumah di Bakai dan Tawar. Kedalaman kemiskinan juga adalah tinggi di mukim Siong di mana isi rumah yang miskin, secara puratanya, kekurangan dalam hampir 45 peratus daripada jumlah dimensi yang diukur. Walau bagaimanapun isi rumah di mukim Baling/Bongor, Teloi Kanan dan Pulau juga mengalami kemiskinan secara purata kekurangan yang dihadapi juga adalah tinggi (sekitar 40 hingga 46 peratus) daripada jumlah keseluruhan dimensi.

ANGGARAN KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI BERPEMBERAT

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kaedah yang digunakan ini adalah bebas dalam meletakkan pemberat kepada dimensi-dimensi bergantung kepada kepentingan relatif sesuatu dimensi itu. Sebagai contoh, sekiranya pembuat dasar ingin memberi tumpuan atau memfokuskan lebih kepada dimensi pendidikan dan kesihatan, maka mereka boleh meletakkan pemberat dalam dimensi tersebut itu lebih besar berbanding dengan dimensi yang lain. Dalam bahagian sebelum ini kita menyediakan anggaran untuk kemiskinan pelbagai dimensi dengan menggunakan pemberat yang sama untuk semua dimensi. Namun, meletakkan pemberat yang berbeza kepada dimensi yang berbeza ianya akan memberi gambaran pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi yang lebih tepat kerana ia melibatkan pertimbangan nilai.

Untuk tujuan menilai kesan meletakkan pemberat yang berbeza kepada dimensi-dimensi kemiskinan yang berbeza, kita perlu membuat pengiraan semula berdasarkan pemberat yang diberi. Untuk itu, andaikan kita meletakkan pemberat sebanyak dua kali ganda besarnya kepada dua dimensi utama iaitu dimensi pendidikan dan kesihatan, manakala dimensi-dimensi lain kekal sama. Dengan meletakkan pemberat dua kali ganda kepada dua dimensi itu, maka keputusan pemberat untuk setiap dimensi adalah seperti di Jadual 4.

JADUAL 4. Pemberat untuk Setiap Dimensi

Bilangan	Dimensi	Pemberat
1	Tahap Pendidikan Ketua Keluarga	1.56
2	Tahap pendidikan anak-anak	1.56
3	Zat Makanan	1.56
4	Berat Badan	1.56
5	Air	0.78
6	Tandas	0.78
7	Bilik Tidur	0.78
8	Lantai	0.78
9	Dinding	0.78
10	Bahan pembakar	0.78
11	Aset Kelengkapan rumah	0.78
12	Pendapatan	0.78
13	Tanah	0.78
14	Binatang ternakan	0.78
	Jumlah Pemberat	14.00

Perbezaan pemberian pemberat ini bertujuan untuk menunjukkan kepentingan kedua-dua dimensi itu, iaitu dimensi pendidikan dan dimensi kesihatan yang merangkumi empat indikator iaitu (indikator nombor 1 hingga no 4). Pemilihan kedua-dua dimensi ini kerana ianya merupakan elemen penting dalam Matlamat Pembangunan Mellinium. Anggaran pengiraan untuk kemiskinan pelbagai dimensi dengan menggunakan pemberat yang berbeza ditunjukkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Kemiskinan Pelbagai Dimensi Berpemberat

Anggaran berpemberat	k=5	k=6	k=7	k=8	k=9
Headcount Ratio (H)	0.177	0.071	0.030	0.015	0.010
Purata Kemiskinan (A)	0.440	0.522	0.607	0.658	0.682
Nisbah Kadar kemiskinan terselaras (Mo)	0.078	0.037	0.018	0.009	0.007

Jadual 5, menunjukkan anggaran dimensi kemiskinan dengan menggunakan lima nilai garisan pemisah yang berbeza ($k=5$ hingga $k=9$). Adalah penting ditekankan disini bahawa, sebagai contoh jika titik garisan pemisah 5 ($k=5$), ianya tidak bermakna isi rumah yang kekurangan sebanyak lima dimensi atau lebih dikatakan sebagai isi rumah itu miskin pelbagai dimensi. Sebaliknya, isi rumah yang kekurangan dalam jumlah sebanyak lima dan lebih (dalam jumlah pemberat yang telah dicampur-campurkan) itu yang dikatakan sebagai isi rumah yang miskin pelbagai dimensi. Keputusan kajian menunjukkan pada $k=5$, hampir 18 peratus isi rumah jatuh di bawah garisan kemiskinan ini. Peratusan isi rumah yang berada atau jatuh di bawah daripada garisan kemiskinan menunjukkan kadar yang semakin menurun dengan peningkatan titik garisan pemisah k . Adalah penting untuk dinyatakan disini bahawa, pada setiap titik garisan pemisah k , peratusan isi rumah yang berada di bawah daripada garisan kemiskinan berpemberat untuk dimensi-dimensi yang berbeza memberi angka (nilai) yang lebih rendah daripada yang menggunakan pemberat yang sama. Ini adalah kerana secara relatifnya hanya peratusan yang kecil sahaja isi rumah yang kekurangan dalam empat dimensi yang diberi pemberat yang berganda berbanding dengan dimensi yang lain-lain.

Jadual 6, menunjukkan anggaran kemiskinan pelbagai dimensi berpemberat pada tahap Mukim. Didapati pada setiap titik garisan pemisah, kemiskinan adalah sentiasa lebih tinggi di Mukim Siong berbanding dengan di mukim-mukim lain.

PERKAITAN ANTARA PENDEKATAN KEMISKINAN SATU DIMENSI DAN ANGGARAN KEMISKINAN PELBAGAI DIMENSI

Adalah perlu untuk mengkaji hubungkait antara kemiskinan satu dimensi (pengiraan kemiskinan rasmi kerajaan) yang biasanya menggunakan pendekatan

JADUAL 6. Anggaran Berpemberat untuk Kemiskinan Pelbagai Dimensi di Tahap Mukim

Garis Pemisah	Mukim	H	A	Mo
K=5	Bakai	0.10	0.39	0.04
	Baling	0.15	0.50	0.08
	Kupang	0.07	0.41	0.03
	Pulai	0.27	0.40	0.11
	Siong	0.35	0.47	0.17
	Tawar	0.14	0.43	0.06
	Teloi Kanan	0.17	0.48	0.08
K=6	Bakai	0	0	0
	Baling	0.10	0.56	0.06
	Kupang	0.02	0.44	0.01
	Pulai	0.08	0.48	0.04
	Siong	0.15	0.58	0.09
	Tawar	0.07	0.47	0.03
	Teloi Kanan	0.10	0.54	0.06
K=7	Bakai	0	0	0
	Baling	0.05	0.68	0.03
	Kupang	0	0	0
	Pulai	0.03	0.56	0.02
	Siong	0.10	0.65	0.07
	Tawar	0	0	0
	Teloi Kanan	0.01	0.56	0.04
K=8	Bakai	0	0	0
	Baling	0.05	0.68	0.03
	Kupang	0	0	0
	Pulai	0	0	0
	Siong	0.10	0.65	0.07
	Tawar	0	0	0
	Teloi Kanan	0	0	0

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dengan kemiskinan pelbagai dimensi. Pengiraan kadar kemiskinan biasanya menggunakan pendekatan *kadar kemiskinan (H)* untuk mendapatkan kadar kemiskinan. Dalam kajian ini pengiraan kadar kemiskinan adalah berdasarkan PGK RM700.00 (kawasan luar bandar) iaitu satu nilai yang dikeluarkan oleh e-SINAR (Pangkalan data mengenai senarai induk nama rakyat miskin di negeri Kedah), untuk membezakan antara yang miskin dan yang tidak miskin bagi negeri Kedah. Dengan menggunakan RM700.00 terdapat sebanyak 23.73 peratus isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin.

KESIMPULAN

Kajian ini menggunakan indeks kemiskinan pelbagai dimensi seperti yang dicadangkan oleh Alkire dan Foster (2007), sebagai alternatif pengukuran kemiskinan. Data yang digunakan adalah data berbentuk primer yang diperolehi daripada kaji selidik yang dilakukan ke atas isi rumah mengikut mukim yang terdapat di daerah Baling. Kaji selidik dilakukan pada bulan Mac dan April 2011. Daripada 200 isi rumah yang menjadi sasaran kajian, hanya 198 yang dianalisis. Ini adalah kerana dua responden lagi

tidak memberi maklumat yang lengkap mengenai keadaan isi rumahnya. Artikel ini juga menganalisis kemiskinan dengan menggunakan pendekatan satu dimensi iaitu yang menggunakan pendekatan pendapatan garis kemiskinan (PGK) untuk membezakan antara yang miskin dan yang tidak miskin.

Dengan menggunakan pendekatan pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu ukuran kemiskinan satu dimensi yang biasa diamalkan di negara kita Malaysia, kita hanya memperolehi satu nilai yang menunjukkan berapa ramai yang miskin sama ada dalam bentuk peratusan. Namun, dengan menggunakan kaedah pengukuran indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau ringkasnya MPI, kita bukan sahaja boleh mengetahui berapa ramai yang miskin dan peratusannya, malahan kita juga boleh mengetahui dimensi apakah sebenarnya penyumbang utama kepada kemiskinan yang dihadapi. Dengan mengetahui dimensi yang menjadi penyumbang kepada kemiskinan sesebuah isi rumah itu atau sesuatu kumpulan individu itu maka sesuatu program atau pemberian sesuatu insentif dapat disalurkan dengan tepat. Seterusnya sasaran untuk membasmi kemiskinan mengikut keperluan kumpulan tertentu dapat difokuskan dan terarah dengan lebih berkesan. Dengan pengenalpastian kemiskinan yang menggunakan kaedah alternatif (MPI) disamping pengenalpastian yang menggunakan kaedah PGK, diharapkan wang yang diagihkan oleh pihak yang bertanggungjawab dapat sampai kepada golongan sasaran dan seterusnya membolehkan sasaran dan harapan kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pendapatan dapat direalisasikan.

RUJUKAN

- Alkire, S. 2007. Choosing Dimension: The Capability Approach and Multidimensional Poverty, CPRC Working Paper 88, Chronic Poverty Research Center.
- Alkire, S. & Foster, J. 2007. Counting and Multidimensional Poverty Measures. Oxford Poverty & Human Development initiative OPHI Working paper 7.
- _____. 2009. Counting and Multidimensional Poverty. Dlm. *The Poorest and Hungry: Assessment, Analysis and Actions*, disunting oleh Von Braun J. Washington D.C.: International Food Policy Research Institute.
- _____. 2009. Counting and Multidimensional Poverty Measurement. OPHI Working paper 32. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development initiative.
- Alkire, S. & Santos, M. E. 2010. Acute Multidimensional Poverty: A New Index for Developing Countries. Oxford Poverty and Human Development Initiative, Working Paper 38, University of Oxford.
- Alkire, S. & Seth, S. 2008. Measuring Multidimensional Poverty in India: A new Proposal, OPHI Working Paper 15. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development initiative.
- Arif Naveed & Tanweer-ul-Ialam. 2010. RECOUP Working Paper N0.28. Estimating Multidimensional Poverty and identifying the poor in Pakistan: An alternative Approach.

- Batana, Y. 2008. Multidimensional Measurement of poverty in sub-saharan africa. Working Paper 13. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development initiative.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. 2003. *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- <http://esinar.kedah.gov.my/WEBE-SINAR/main.cfm?content=11>. Dilihat pada 10 Januari 2011.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Malaysia. 1976. *Third Malaysia Plan 1976-1980*. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- _____. 1995. *Population and Housing Census of Malaysia 1991. General report of the population census, Vol.1*. Kuala Lumpur: Department of Statistic.
- _____. 2001. *Population and Housing Census of Malaysia 2000. General report of the population census, Vol.1*. Kuala Lumpur: Department of Statistic.
- _____. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- _____. 2010. *Rancangan Malaysia Ke Sepuluh 2010-2015*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Uma Sekaran. 1992. *Research Methods for Business - A Skill Building Approach*. Edisi ke-4. New York: John Wiley & Sons.
- Siti Hadijah Che Mat
Roslan A.Hakim
Siti Norliza Jumali
Jabatan Ekonomi dan Perniagaantani
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010, Sintok
Kedah, Malaysia.

Lampiran A: Ringkasan Dimensi dan Indikator serta Garisan Pemisah yang Digunakan

Dimensi	Dimensi <i>Standard of Living</i> /kesejahteraan							Dimensi Kekayaan				
	Tahap Pendidikan- Ketua Keluarga	Tahap pendidikan- anak-anak/ child status	Zat Makanan	Berat Badan Air	Tandas	Bilik Tidur	Lantai		Dinding	Bahan pembakar	Aset Kelengkapan rumah/ ownership of consumer durable	Pendapatan Tanah
Huraian Indikator	Tahap pendidikan yang dimiliki oleh ketua keluarga	Jumlah anak yang tidak bersekolah dimiliki oleh ketua keluarga	Makanan kos rendah dan tidak dapat makanan yang seimbang	Kekurangan berat badan kerana tidak makan dan tidak cukup makan yang seimbang	Sumber air yang digunakan oleh keluarga untuk diminum dan memasak	Jenis tandas yang digunakan	Bahan utama untuk kediaman	Bahan api utama yang biasa digunakan untuk isi rumah memasak	Jenis bahan Aset yang dimiliki	Kelengkapan/ Jumlah pendapatan yang dimiliki oleh isi rumah	Keluasan tanah dalam relung yang digunakan pertanian dan bukan pertanian	Binatang ternakan yang dimiliki, sepeses lembu/kerbau, kambing/kambing biri-biri, ayam/itik
Cut-off Garisan kemiskinan	Miskin sekiranya ketua mempunyai keluarga ini	Miskin sekiranya terdapat ahli isi rumah yang berumur 6 hingga 13 tahun yang tidak bersekolah kerana keluarga tidak mampu menampung perbelanjaannya.	Miskin sekiranya hanya makan makanan yang murah dan tidak dapat makan makanan yang seimbang.	Miskin sekiranya ada isi rumah yang kehilangan berat badan kerana tidak makan atau tidak cukup makan.	Miskin sekiranya air yang digunakan untuk diminum dan memasak itu buka air paip dan air telaga yang dijaga dengan sempurna	Miskin sekiranya rumah yang diduduki itu hanya mempunyai satu bilik tidur sahaja.	Miskin sekiranya bahan yang digunakan untuk kediaman itu bukannya daripada bahan yang sempurna. - (seperti tanah/pasir/ buluh/ papan)	Miskin sekiranya isi rumah memasak menggunakan kayu api/ minyak tanah.	Miskin sekiranya isi rumah tidak mempunyai lebih daripada satu aset berikut: televisyen, peti sejuk, motosikal atau kereta.	Miskin sekiranya jumlah pendapatan isi rumah kurang daripada PGK yang ditetapkan (RM700)	Miskin sekiranya isi rumah tidak mempunyai tanah lain selain daripada yang tapak rumahnya.	Miskin sekiranya rumah ini tidak ada mempunyai sebarang ternakan binatang peliharaan.